

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1999/2000**

September 1999

PPG 217/PDP 417 – Kaedah Mengajar Sejarah I

Masa : [3 Jam]

Sila pastikan bahawa kertas soalan peperiksaan ini mengandungi **2** muka surat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

ARAHAN: Jawab soalan No. 1 dari **Bahagian A** dan Tiga soalan dari **Bahagian B**. Tiap-tiap soalan membawa markah yang sama.

BAHAGIAN A

1. ‘... sejarah membolehkan kita memeriksa, mengambil pengertian dan menimbangkan satu-satu perkara itu dengan lebih saksama dan sempurna ... sejarah juga boleh jadi petunjuk dan pemandu kita...’ (Zainal Abidin Wahid)

Bagaimakah kurikulum sejarah sekolah menengah rendah dapat membantu proses-proses ini di kalangan murid-murid?

BAHAGIAN B

2. Bincangkan masalah-masalah yang mungkin dihadapi oleh guru semasa mengajar sejarah dalam sekolah menengah.

Bagaimakah masalah-masalah ini dapat diatasi ?

3. Apakah perbezaan falsafah di antara kaedah tinjau siasat dan kaedah pendedahan lisan?

Kaedah manakah yang dianggap paling sesuai digunakan di dalam pengajaran-pembelajaran sejarah? Mengapa?

..2/-

4. Mengapakah objektif-objektif pembelajaran ‘Coltham & Fines’ penting?

Dengan contoh-contoh yang sesuai terangkan hubungan antara Objektif Pembelajaran Khas, langkah-langkah pengajaran, dan penilaian/penutup dalam sesuatu pelajaran

5. Apakah keperluan-keperluan yang patut dipenuhi bila membentuk sukatan pelajaran sejarah?

Bandingkan perbezaan-perbezaan DUA daripada pendekatan berikut di dalam pengajaran sejarah:

- i) pendekatan menurut kronologi
- ii) garis perkembangan
- iii) pendekatan menurut zaman (era approach)

6. Buat catatan ringkas mengenai perkara-perkara berikut:

- i) Perubahan dalam sukatan pelajaran sejarah KBSM dari 1978 hingga 1997
- ii) Pengaruh kebolehan bahasa ke atas pembelajaran sejarah
- iii) Alat bantu mengajar dalam pengajaran-pembelajaran sejarah